



**BORANG PERMOHONAN
PAS BULANAN LETAK KERETA
MAJLIS BANDARAYA IPOH**

1.	NAMA PEMOHON	
2.	NO.KP	
3.	NO.KENDERAAN	
4.	JENIS KENDERAAN	
5.	NAMA AGENSI / SYARIKAT	
6.	ALAMAT MAJIKAN	
7.	ALAMAT KEDIAMAN	
8.	NO.TELEFON	(RUMAH/ HP) (PEJABAT)

Tandatangan Pemohon :

Tarikh :

PERHATIAN

1. Sila lampirkan salinan geran kenderaan (Sijil Pendaftaran Kenderaan) bagi permohonan kali pertama.
2. Permohonan ini hanya akan diproses jika syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.
3. Sekiranya permohonan di atas didapati tidak benar, sebarang kelulusan yang diberi akan ditarik balik.
4. Pemohon-pemohon yang diluluskan permohonannya akan dihubungi oleh pihak Majlis untuk mendapatkan pelekat Pas Bulanan ini.
5. Sebarang pertanyaan sila hubungi Unit Letak Kereta, Jabatan Kewangan, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Bandar, 30000 Ipoh (**No. Tel: 05-2083145**).

.....

**Tandatangan
Penolong Akauntan
Unit Letak Kereta**

.....

Tarikh

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN

1. Pelekat Pas Bulanan ini dijual dengan harga **RM85.00 sebulan (Ringgit Malaysia Lapan Puluh Lima Sahaja)**.
2. Seorang Pemohon terhad untuk satu (1) pelekat Pas Bulanan sahaja.
3. Setiap syarikat hanya dibenarkan membeli tiga (3) pelekat Pas Bulanan sahaja untuk kenderaan yang didaftarkan atas nama syarikat.
4. Permohonan pembelian atau pembaharuan pelekat Pas Bulanan boleh dibuat bila-bila masa hari bekerja antara jam 8.00 pagi hingga 3.30 petang pada setiap hari.
5. Pelekat Pas Bulanan yang telah dijual tidak boleh dikembalikan atau dibatalkan.
6. Bayaran sebanyak RM5.00 (**Ringgit Malaysia Lima Sahaja**) akan dikenakan untuk sebarang penukaran nombor kereta bagi bulan semasa.
7. Sekiranya pelekat Pas Bulanan tidak diperbaharui dalam masa yang ditetapkan, pelekat tersebut akan dijual kepada pelanggan lain.
8. Kereta yang mempunyai pelekat Pas Bulanan ini hanya dibenarkan meletakkan kenderaan di petak-petak letak kereta berkupon sahaja.
9. Pas Bulanan ini tidak boleh digunakan untuk melekat kenderaan di Bangunan Letak Kereta Bertingkat Majlis Bandaraya Ipoh di Jalan Dato Maharajalela, Ipoh.
10. Pas Bulanan ini tidak dibenarkan untuk ditukar kepada kenderaan lain atau dipindahmilik kepada orang lain.
11. Pas Bulanan yang hilang atau rosak hendaklah dilaporkan ke Unit Letak Kereta, Jabatan Kewangan, Majlis Bandaraya Ipoh dan kos untuk menggantikannya adalah ditanggung sendiri oleh pemilik asal. Kereta yang tidak mempamerkan (melekatkan) pelekat Pas Bulanan boleh di kompaun oleh Penguatkuasa Majlis Bandaraya Ipoh. Rayuan bagi membatalkan kompaun tidak akan dilayan.
12. Pemegang pelekat Pas Bulanan adalah tertakluk kepada peruntukkan-peruntukkan di bawah Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) Majlis Bandaraya Ipoh dan segala pindaan yang dibuat dibawahnya.
13. Tiap-tiap pelekat Pas Bulanan yang diberi adalah tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan oleh Majlis Bandaraya Ipoh dan boleh dibatalkan oleh Majlis pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.
14. Kegagalan atau kelewatan Majlis mengambil tindakan bagi menguatkuasakan peraturan ini tidak dianggap sebagai kemaafan (waiver) dan kegagalan atau kelewatan tersebut tidak menghalang Majlis untuk melaksanakan hak-haknya.